

MINIT MESYUARAT AGUNG KE 36 TAHUN 2020
PERSATUAN ALUMNI SEKOLAH ALAM SHAH (ASAS)

TARIKH : 25 JULAI 2020

MASA : 10.00 PAGI

TEMPAT : AUDITORIUM SAS, PUTRAJAYA

AHLI YANG HADIR

Senarai nama ahli yang hadir adalah seperti di **Lampiran A**.

NO	PERKARA	TINDAKAN
1.0	UCAPAN PRESIDEN	
1.1	Majlis dimulakan dengan bacaan doa oleh Sdr Haziq.	
1.2	Presiden mengalru dan mengucapkan terima kasih di atas kehadiran ahli-ahli ASAS ke Mesyuarat Agung Tahunan ASAS kali ke 36 yang mana kekuatan ASAS bukan hanya terletak kepada AJK tetapi kerana sokongan dari semua ahli.	Makluman
1.3	Presiden turut memaklumkan bahawa AGM pada tahun ini terpaksa ditangguh sehingga Julai 2020 kerana isu covid yang melanda negara baru-baru ini. Presiden memperkenalkan barisan AJK ASAS 2019/2021	
2.0	PENGESAHAN MINIT MESYUARAT AGUNG KE 35	
2.1	Ir Mohd Junaizee Mohd Noor (510) selaku setiausaha kehormat ASAS membentangkan Minit Mesyuarat Agung ASAS ke 35 yang telah diadakan pada 27 Julai 2019 di Auditorium, Sekolah Sultan Alam Shah untuk disahkan. Minit mesyuarat itu dilaporkan di dalam buku laporan muka surat 1-6 di bahagian pertama diikuti lampiran kehadiran ahli. Ahmad Kadim Abdul Majid (656) mencadangkan minit mesyuarat disahkan dan disokong oleh Faisal Mokhtar (1192) Mesyuarat sebulat suara menerima cadangan tersebut.	Makluman
3.0	MEMBENTANG DAN MELULUSKAN LAPORAN TAHUNAN ASAS 2019	
3.1	Ir Mohd Junaizee Mohd Noor (510), Setiausaha Kehormat membentangkan laporan tahunan ASAS 2019 untuk diterima oleh mesyuarat. Laporan aktiviti dilaporkan di dalam buku laporan, bahagian kedua dari mukasurat 1 sehingga mukasurat 27. Laporan bermula dengan senarai AJK ASAS 2019/2021 diikuti dengan laporan mesyurat dan laporan aktiviti	Makluman
3.2		

	<p>7 biro-biro (Pengurusan, Sekretariat, Hubungan Sekolah, Sosial, Kebajikan dan Agama, Keusahawanan dan Sukan).</p> <p>Mohd Zameen (2722) mengajukan soalan berkenaan tarikh pelaksanaan OBW 2020 memandangkan program tersebut terpaksa ditangguh kerana isu covid.</p> <p>3.3 Presiden memaklumkan bahawa program tersebut terpaksa ditangguh ke tahun hadapan dan penganjur adalah dari batch yang sama (tahun 2020)</p> <p>Husni Sulaiman (3203) mengajukan beberapa soalan seperti berikut :</p> <p>Apakah rasional AJK ASAS tidak mengambil tindakan yang lebih agresif terhadap kes sdr Razzi?</p> <p>Adakah pihak ASAS pernah menjalankan penyiasatan kepada individu lain di dalam ASAS?</p> <p>Berharap diadakan "press statement" untuk mengetahui plan dan proses tindakan terhadap kes Razzi.</p> <p>Menjawab persoalan di atas, presiden memaklumkan bahawa report polis telah dibuat pada 4 Feb 2019 diikuti tuntutan di mahkamah. Walaubagaimanapun, pihak ASAS tidak melakukan penyiasatan ke atas individu lain kerana kekurangan bukti serta tidak mengadakan "press statement" kerana tidak mahu kes ini diperbesarkan kepada pihak luar.</p> <p>Datuk Dr Rahim Sudin (846) turut bertanyakan soalan berkenaan jaminan tentang pembayaran yang akan dibuat oleh Razzi. Adakah beliau dapat membayar seperti tuntutan?</p> <p>Presiden memberi maklum bahawa Razzi harus menjelaskan bayaran tuntutan seperti yang diputuskan oleh mahkamah.</p> <p>Datuk Sulaiman (Peguam Kes Razzi) turut menambah bahawa beliau sentiasa memberi peringatan pembayaran kepada Razzi setiap 2 minggu untuk mendapatkan maklum balas pembayaran. Datuk Sulaiman juga memaklumkan bahawa, beliau hanya akan menunggu arahan daripada ASAS sekiranya ingin memasukkan Razzi ke penjara sekiranya beliau gagal membayar seperti tuntutan. Di samping itu, pihak ASAS boleh mengambil aset / harta atau membuatkan Razzi "bankrap" sekiranya perlu.</p> <p>Ahmad Kadim Abdul Majid (656) mencadangkan laporan tahunan 2019 ASAS diterima dan cadangan tersebut disokong oleh Zain Nassri (820).</p>	
--	---	--

NO	PERKARA	TINDAKAN
4.0	MEMBENTANG DAN MELULUSKAN PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 YANG TELAH DIAUDIT	
4.1	Sdr Kamalruzaman Ramlee (1122) selaku bendahari membentangkan Penyata Kewangan ASAS bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 yang telah diaudit bagi pihak ASAS, seperti dilaporkan di bahagian 3 mukasurat 1 hingga 10. Turut dilampirkan nota-nota untuk rujukan lanjut.	Makluman
4.2	Sdr Zameen Zahari (2722) mengajukan soalan berkenaan punca penyusutan ketara di dalam pendapatan berbanding tahun sebelum. Bendahari menjawab dengan menyatakan bahawa penyusutan tersebut adalah kerana pada tahun 2019, ASAS tidak mengadakan Majlis Makan Malam Tahunan ASAS yang banyak menyumbang kepada pendapatan ASAS.	Makluman
4.3	Muhamad Yusri Musa (1303) mengajukan soalan samada tahap kewangan ASAS seiring dengan alumni lain. Persoalan tersebut dijawab oleh bendahari dengan menyatakan bahawa pihak ASAS tidak mengetahui status kewangan alumni lain, tetapi dengan kedudukan kewangan semasa ASAS sekarang menunjukkan suatu kedudukan kewangan yang baik yang mana, ASAS mampu memberikan komitmen 3 bulan ke hadapan. Di samping itu, Sdr Roslan Rosli, (716) selaku Naib Presiden 1 menambah bahawa, ASAS merupakan satu-satunya alumni yang tidak mengenakan sebarang yuran bulanan/tahunan kepada ahli. Razli b. Che Razak (489) mengajukan persoalan mengenai moratorium untuk pinjaman serta status penyewa di Kota Damansara_Ground Floor. Bendahari memaklumkan bahawa, disebabkan ASAS tidak termasuk di dalam SME, ASAS tidak mendapat faedah moratorium tersebut. Namun, setelah rayuan dibuat, ASAS dapat menikmati tempoh moratorium bermula Jun sehingga Sept 2020. ASAS turut memberi diskain atas sewaan kepada semua unit premis sepanjang tempoh covid ini. Bagi status penyewa aras bawah Kota Damansara, ASAS telah mendapat penyewa baru yang akan beroperasi mulai Sept 2020 yang mana penyewa lama telah menamatkan operasinya bagi Mei 2020.	

11.2	<p>Hatta Adam (518) mengajukan soalan tentang liabiliti dan aset semasa ASAS.</p> <p>Bendahari memberi respon bahawa hutang terbesar ASAS adalah kepada pihak bank manakala aset semasa tertinggi adalah dari pengutang Razzi. Presiden turut menambah bahawa pinjaman jangka pendek yang terdapat di dalam liabiliti semasa adalah pinjaman dari Majlis Presiden bagi menyelesaikan isu pinjaman Koperasi ASAS Selangor Berhad dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Pinjaman tersebut akan dibayar secara berperingkat mulai Ogos 2020.</p> <p>Ahmad Kadim Abdul Majid (656) mencadangkan agar penyata kewangan ASAS bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 yang telah diaudit, diterima dan diluluskan oleh mesyuarat. Cadangan disokong oleh Muhamad Mustaqim Bin Ahmad Huzaini (2956)</p> <p>Mesyuarat dengan 7 sebutan suara menerima cadangan tersebut.</p>	11.2	
------	--	------	--

NO	PERKARA	TINDAKAN
5.0	<p>MEMBUAT PERUNTUKAN DAN MELUPUSKAN BAKI HUTANG RAGU SEBANYAK RM 87,449.71</p> <p>Bendahari membentangkan usul seperti di bahagian Lampiran mukasurat 2.</p> <p>Sdr Mohd Zameen (2722) bertanyakan pendapat juruaudit berkenaan usul tersebut.</p> <p>Sdr Jamaluddin Hassan (900) selaku juruaudit dalam ASAS bersetuju dan menyokong pelupusan tersebut kerana sekiranya tidak dibuat pada masa sekarang, jumlah tersebut akan terus tergantung di masa akan datang.</p> <p>Sdr Husni Sulaiman (3203) mengajukan soalan apakah inisiatif ASAS dalam transaksi kewangan bagi mengelakkan kejadian seumpama berulang.</p> <p>Presiden memaklumkan buat masa sekarang, segala transaksi dan pembayaran adalah dibuat secara online dan ASAS sentiasa berinteraksi dengan juruaudit bagi mengelakkan kekeliruan dalam penyata. Di samping itu, pihak pengurusan turut menghubungi secara langsung dengan penyewa, bagi mengetahui status semasa.</p> <p>Bendahari turut menambah bahawa segala transaksi data dan kewangan telah direkod di dalam sistem perakaunan (Office Central) bagi memudahkan perekodan, penyemakan dan laporan kewangan.</p> <p>Ahmad Kadim Abdul Majid (656) mencadangkan agar usul ini diterima dan diluluskan oleh mesyuarat. Cadangan disokong oleh Dr Azmil Farid Zabir (631).</p> <p>Mesyuarat dengan sebulat suara menerima cadangan tersebut.</p>	Makluman

6.0	<p>PERLANTIKAN 4 ORANG PENGAMANAH (FASAL 19, PERLEMBAGAAN ASAS)</p> <p>Presiden membentangkan usul berkaitan pengamanah dan membentangkan tugas pengamanah seperti yang termaktub dalam perlembagaan dan surat lantikan pengamanah seperti di Lampiran mukasurat 3.</p> <p>Presiden turut mencadangkan pencalonan seperti berikut dengan sokongan penuh oleh AJK :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Dato' Emran Kadir (005) 2. Dato' Ahmad Tajuddin (003) 3. En. Nor Hishammuddin b. Mohd Nordin (666) <p>Dr Mat Khair (0012) mengajukan soalan, berapakah tempoh masa seseorang menjadi pengamanah.</p> <p>Presiden memberi maklum bahawa, di dalam perlembagaan tidak dinyatakan tempoh tersebut. Tetapi perkara tersebut akan dicadangkan untuk dibuat sedikit pindaan terhadap perlembagaan.</p> <p>Mohd Rafiq Mohd Rais (1434) turut bertanyakan, sekiranya salah seorang pengamanah menarik diri, bilakah lantikan baru akan dibuat untuk mengisi kekosongan tersebut.</p> <p>Presiden memaklumkan bahawa lantikan baru hanya akan dibuat di dalam mesyuarat agung tahunan yang akan datang.</p> <p>Zain Nassri (820) mencadangkan agar usul ini diterima dan diluluskan oleh mesyuarat. Cadangan disokong oleh Dagang Mohd Yunus (160).</p> <p>Mesyuarat turut bersetuju mengekalkan Dato' Zabir sebagai pengamanah sediaada.</p> <p>Mesyuarat dengan sebulat suara menerima cadangan tersebut</p>	
-----	--	--

NO	PERKARA	TINDAKAN
7.0	UCAPAN PENANGGUHAN Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.00 petang dengan Presiden mengucapkan jutaan terima kasih di atas kehadiran semua ahli-ahli ASAS.	Makluman

Disediakan oleh

Mohd Junaizee Bin Mohd Noor
Setiausaha Kehormat

Disahkan oleh

Ghazali Bin Bujang
Presiden